

GEOSPORT 2012

Artikel oleh: Hazerina Pungut



Pada 10-11 November 2012, sekali lagi program Geosport telah berjaya dilaksanakan oleh Kelab Geologi, Sekolah Sains dan Teknologi. Acara perasmian telah disempurnakan oleh Dekan SST, Prof. Madya Dr. Baba Musta. Kehadiran para pensyarah iaitu Prof. Dr. Felix Tongkul dan Pn. Hjh. Hennie Fitria serta pelajar pascasiswazah turut memeriahkan aktiviti ini. Program Geosport ini dianjurkan bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi akademik, kokurikulum dan sosial, disamping dapat mengeratkan silaturrahim sesama pelajar dan kakitangan program Geologi. Beberapa acara sukan dipertandingkan seperti marathon, bola tampar, bola jaring, futsal dan ping pong.

